

'Mendekati Komuniti Terpinggir'

► 45 mahasiswa Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Lestari Sandakan terlibat



MAHASISWA tiba di kawasan tempat pelupusan sampah Kg. Melayu Sandakan.

SANDAKAN: Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya melaksanakan 'Mendekati Komuniti Terpinggir' bermula dari 8 hingga 10 Mac bertempat di Kg Melayu, Pusat Pelupusan Sampah dan Bandar Sandakan.

Program Kolej Kediaman ini dibimbing oleh Yang Dipertua Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Norhisam Hashimudin yang juga Exco Kebajikan.

Norhisam yang juga pengarah program berkata program ini sudah lama dirancang dan persiapan

awal sudah dilakukan bagi memastikan program dapat berjalan dengan lancar dan mampu mencapai matlamat sebenar program.

Pengetua KKTMDr. Nizam Nazarudin menyifatkan program ini wajar diteruskan kerana memberi kesan yang mendalam kepada mahasiswa dalam usaha meningkatkan kesedaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemanusiaan dan kesukarelawanan.

Program ini juga

bekerjasama dengan Kolej Kediaman Lestari Sandakan serta badan NGO seperti Madrasah Darus Sunnah dan Belia Masjid Jamek Sandakan.

Tujuan jalinan kerjasama ini dibuat adalah untuk memberi ruang dan peluang mahasiswa bekerja dalam kelompok yang berbeza dan dapat mempelajari pengalaman serta merapatkan lagi hubungan dengan pihak yang terlibat.

Antara tujuan program

ini dibuat adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa melihat keadaan yang sedang berlaku di sekeliling yang dapat melihat masih ramai lagi golongan terpinggir yang tidak diambil peduli oleh segelintir masyarakat.

Di samping itu, program ini juga bertujuan membantu golongan yang terpinggir di Sandakan yang amat memerlukan bantuan dan keprihatinan daripada

semua masyarakat tidak kira memberi sumbangan tenaga, keperluan asas, wang ringgit dan sebagainya.

Seramai 45 orang mahasiswa KKTm dan Kolej Kediaman Lestari Sandakan, UMS hadir dalam menjalankan program ini, serta wakil daripada NGO yang terlibat iaitu Madrasah Darus Sunnah dan Belia Masjid Jamek Sandakan turut tampil memberi bantuan dalam sama-sama menjayakan


program.

Sebanyak RM 3,500 dana yang terkumpul bagi menjayakan agihan beras dan bahan mentah hasil daripada kutipan sumbangan orang ramai khusus daripada UMS.

Antara pengisian program ialah memberi bantuan sebanyak 190 buah keluarga dalam bentuk keperluan asas kepada penduduk Kg. Melayu, di Pusat Pelupusan

Sampah Sandakan.

Sementara itu, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha iaitu Dr. Badariah Saibeh menasihatkan siswa-siswi meneruskan usaha yang baik dalam membantu golongan terpinggir walaupun tidak dengan wang ringgit tetapi dengan kemampuan tenaga yang ada untuk menjadi seorang sukarelawan yang berguna dan berilmu kepada semua masyarakat.



PROSES pengagihan sumbangan barang keperluan beras dan bahan mentah kepada penduduk kampung-sekitar 190 buah keluarga.